

Kertas Bil. 96/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESUARAT
KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 17 – 20 OGOS 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR MENTAH SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW
WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR–
JKP-SAM) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
"PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR (KUALITI): KAEDAH
MENANGANI PENCEMARAN AIR,"**

KERTAS BILANGAN 37/2015

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH (JPK-SAM) YANG
TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI
SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA 17 OGOS - 20 OGOS 2015**

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
37	PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH (JPK-SAM), NEGERI SELANGOR BERHUBUNG “PENGURUSAN AIR NEGERI SELANGOR (KUALITI) : KADEAH MENANGANI PENCEMARAN AIR.”	<p>11.1 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memastikan LUAS mempunyai perancangan yang lebih menyeluruh bagi mengawal pencemaran di sumber air mentah. Projek IWRIIMS hendaklah disegerakan.</p> <p>11.2 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menambah kakitangan kontrak LUAS dengan segera supaya kerja pemantauan dan pengawakuan lembangan sungai Selangor boleh dibuat dengan kerap dan ketat.</p>			<p><i>Ulasan oleh LUAS</i> Pengawalan pencemaran oleh LUAS adalah berdasarkan kepada Pelan Strategik LUAS 2012-2016. Semakan semula Pelan Strategik LUAS ini akan dilaksanakan pada tahun 2016 bagi perancangan 5 tahun seterusnya (2017-2021). Sambungan pembangunan IWRIIMS bagi fasa seterusnya sedang dilaksanakan di mana aspek stesen pemantauan kualiti air akan diintegrasikan di dalam sistem ini.</p> <p><i>Ulasan oleh LUAS</i> Buat masa ini, pengisian 4 jawatan baru dan kekosongan jawatan-jawatan kontrak sedia ada sedang dilakukan. LUAS akan mengemukakan cadangan tambahan jawatan kontrak bagi memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan di lembangan sungai. LUAS juga akan mengemukakan semula cadangan pemantapan organisasi kepada pihak JPA.</p>

ELIZABETH WONG
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A S
 40000 Shah Alam


Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
11.3	Jawatankuasa berpendapat bahawa LUAS dan PBT mempunyai kuasa undang-undang yang mencukupi untuk mengawal punca pencemaran sumber air mentah di Selangor dan memulakan siasatan untuk penguatkuasaan. Kilang-kilang yang mencemarkan sumber air hendaklah dikenakan tindakan tegas serta-merta.				<p><i>U/asan oleh LUAS</i> LUAS telah mengemukakan cadangan untuk mengubah peraturan yang lebih ketat berkenaan pencemaran sumber air termasuklah yang dikuatkuasakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeling 1974 kepada pihak Kamar Undang-Undang Negeri Selangor.</p> <p>Pihak Kamar telah memberi maklumbalas melalui surat PU.SEL.AM/2/2014/10(HH) bertarikh 25 Februari 2014 iaitu</p> <p>“... 13. Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:</p> <p><i>Jika mana-mana undang-undang Negeri tidak setaras dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu.”</i></p> <p>“ 15. Justeru itu, cadangan untuk menetapkan parameter sendiri di setiap negeri adalah tidak bersesuaian dari segi pelaksanaannya dan akan hanya mengundang “mockery of the law” ke atas sebuah peraturan yang diwujudkan di peringkat Kerajaan Persekutuan.”</p> <p>“.... Sekiranya didapati had parameter yang sedia ada tidak lagi munasabah dan had yang lebih tinggi perlu diwujudkan, maka suatu kajian mengenainya perlu dilaksanakan dan suatu pindaan bolehlah disyorkan terhadap undang-</p>


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat: Majlis Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan SSSAS
 40000 Shah Alam

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKN	Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan yang telah dilaksanakan
		Setuju	Tidak Setuju		
					undang sedia ada di Peringkat Persekutuan agar membolehkan negeri-negeri menggunakanapakai tahap parameter yang seragam sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.”
					Walaubagaimanapun, LUAS boleh mengeluarkan arahan kerja-kerja pembersihan di bawah seksyen 4(1)(3) Enakmen LUAS 1999 dan sebarang kejidakpatuhan terhadap arahan tersebut boleh dikenakan tindakan perundangan samaada kompaun atau pendakwaan.
11.4	Jawatankuasa mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor mengkaji semula undang-undang sedia ada yang berkait rapat dengan pengurusan sumber air untuk mengenalpasti punca kuasa untuk agensi-agensi negeri dalam kawalan pencemaran dan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan berkaitan.			<i>Ulasan oleh LUAS</i> LUAS sedang melaksanakan Kajian Semula Peraturan-peraturan Kemaskukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2009 di mana aktiviti-aktiviti yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air turut dikenakan dipertimbangkan untuk dikawal di bawah peraturan ini. Namun ianya terhad kepada aktiviti-aktiviti yang tidak dikawal di bawah mana-mana akta yang berkaitan.	
11.5	Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri membolehkan analisis sampel punca pencemaran diliaksanakan oleh pakar-pakar selain Jabatan Kimia Malaysia supaya analisis			<i>Ulasan oleh LUAS</i> Bagi tujuan pendakwaan, pihak Mahkamah hanya menerima sampel yang di analisa oleh Jabatan Kimia Malaysia sahaja. Walaubagaimanapun, bagi tujuan siasatan awal dan pemantauan, LUAS menghantar sample untuk dianalisa oleh makmal yang diakredetasi.	

ELIZABETH WONG
At.lli Majlis Masyuarat Kerajaan Negeri (EXC)
Selangor Darul Ehsan
Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A.S
40000 Shah Alam


Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		boleh dibuat dalam masa yang pendek untuk tujuan penguatkuasaan.			
11.6	Jawatankuasa menyarankan kepada Kerajaan Negeri Selangor mendesak pihak-pihak yang berkenaan dengan projek TPS Pajam, Negeri Sembilan untuk mengambil tindakan segera mengawal pelepasan leachate dan membuat rawatan onsite dan tindakan-tindakan yang sewajarnya termasuk mengambil tindakan undang-undang jika perlu.				<p><i>Ulasan oleh LUAS</i> LUAS telah menyelaraskan penyelesaian isu ini melalui JK Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor dan Pasukan Petugas Lembangan Sungai Langat dengan melibatkan agensi-agensi yang berkaitan dari Negeri Sembilan dan persekutuan.</p> <p>Surat daripada SUK Negeri Selangor turut telah dihantar kepada SUK Negeri Sembilan bagi menjelaskan dan menyelesaikan isu ini.</p> <p>Perkara ini adalah di luar bidang kuasa negeri dan perlu melibatkan kerjasama daripada Negeri Sembilan dan persekutuan.</p>
11.7	Jawatankuasa menyarankan supaya Kerajaan Negeri Selangor melantik perunding pakar yang bebas untuk mengkaji prestasi dan pencapaian fasiliti loji rawatan air terutamanya Loji Rawatan Air Semenyih dalam menangani pencemaran Ammonia dan Manganese.				<p><i>Ulasan oleh UPEN</i> Kerajaan Negeri mengambil maklum saranan ini.</p> <p><i>Ulasan oleh LUAS</i> Berdasarkan Seksyen 4(1)(g), Enakmen LUAS 1999; selain daripada ahli tetap Lembaga Pengarah LUAS, lima (5) lagi ahli yang dilantik adalah berdasarkan kepadaran mereka yang tinggi di dalam perkara yang berhubung dengan pengurusan dan pemuliharaan sumber air.</p> <p>Pelantikan seseorang ahli Lembaga di bawah sekseyen ini di beri tempoh selama tiga(3) tahun dan boleh</p>


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.A.S
 40000 Shah Alam.

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					<p>disemak semula berdasarkan keperluannya bagi membantu LUAS dalam pengurusan sumber air. Ahli-ahli pakar semasa Lembaga Pengarah LUAS adalah seperti berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. YBhg. Dato' Ir. Zainor Rahim Bin Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. ii. Puan Siti Zaleha Binti Ibrahim, Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor. iii. Tan Sri Dato' Ir. Syed Mohammad Shahabudin Bin Syed Hassan Shahabudin, Pengarah Eksekutif, SMHB Sdn. Bhd. iv. Datuk Ir. Mohd Adnan Bin Mohd Nor, Pengarah Ursusan, RPM Engineers Sdn. Bhd. v. Prof. Dr. Zulkifli Bin Yusop, Pensyarah, Universiti Teknologi Malaysia. vi. Ir. Dr. Salmah Binti Zakaria, Pegawai Hal Ehwal Ekonomi, UNESCAP. <p>Selain itu, LUAS juga berkerjasama dengan perunding-perunding pakar bagi pelaksanaan kajian-kajian dan pandangan seperti;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Unit Perunding Universiti Malaya,

ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (DCC)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.S
 40000 Shah Alam.

Bil.	Tajuk Penyata	Saranan		Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/Tindakan yang telah dilaksanakan
		Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Tidak Setuju	
				ii.	Pusat Penyelidikan Forensik Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Research Management Institute, Universiti Teknologi Mara. iii.	


ELIZABETH WONG
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)
 Selangor Darul Ehsan
 Tingkat 2, Bangunan S.S.A.S
 40000 Shah Alam